

16/04/1999

Malaysia lebih awal buka pasaran

MALAYSIA lebih awal membuka pasaran sektor perbankan dan kewangan dengan 13 bank asing yang beroperasi di negara ini sekarang sekali gus menikmati keuntungan dan bahagian pasaran yang besar berbanding negara lebih maju seperti Korea Selatan, kata Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

Beliau yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas berkata, Korea, misalnya, baru saja membenarkan penyertaan ekuiti asing dalam sektor perbankan dan perkhidmatan kewangan.

"Malaysia sentiasa mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Bagi sektor yang kita sudah bersedia, apabila sampai masanya tentulah kita akan membuka (dengan lebih meluas). Tetapi bagi yang kita belum bersedia, kita katakan tunggu dulu. Ahli perniagaan memahami hal ini," katanya selepas pertemuan dengan delegasi perdagangan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Pada masa ini 13 bank asing diperbadankan di Malaysia iaitu HSBC Bank Malaysia Bhd, Standard Chartered Bank Malaysia Bhd, Citibank Bhd, Chase Manhattan Bank (M) Bhd dan Bank of Tokyo (M) Bhd. Yang lain ialah OCBC Bank (M) Bhd, United Overseas (M) Bhd, Overseas Union Bank (M) Bhd, Bank of Nova Scotia Bhd, Bank of America Malaysia Bhd, Deutsche Bank (M) Bhd, ABN AMRO Bank Bhd dan Bangkok Bank Bhd.

Daim berkata, dalam pertemuan itu, ahli perniagaan Amerika yang mewakili peneraju industri seperti Oracle Corporation, Aetna International Inc, American International Group, The Boeing Company dan Citibank, berpuas hati dengan rancangan pemulihan ekonomi Malaysia yang sedang berjalan.

Menurutnya, antara isu yang dibangkitkan oleh delegasi berkenaan ialah sama ada kerajaan akan mengubah dasar keistimewaan rakyat tempatan berhubung projek penswastaan.

Daim menegaskan, Pelan Pembangunan Nasional (PPN) digubal sedemikian dengan mengambil kira keunikan sosial negara ini yang mengalami tahap pembangunan berbeza-beza.

"Kita memang memberikan keutamaan kepada rakyat tempatan. Bagi Barat mereka katakan ini adalah crony capitalism. Tetapi kita perlu berhati-hati.

"Di negara kita ada tempat di luar bandar yang ketinggalan dalam pembangunan, jadi diberi keutamaan," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas perjumpaan itu, Presiden Majlis Perniagaan Amerika-Asean, Ernest Z Bower, berkata Majlis Perniagaan Malaysia-Amerika akan dilancarkan di New York pada suku ketiga tahun ini bagi mengenal pasti bidang kerjasama ahli perniagaan kedua-dua negara.

Satu memorandum persefahaman ke arah itu ditandatangani semalam disaksikan oleh Daim mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bower berkata, majlis itu adalah inisiatif sektor swasta yang akan menyediakan laporan kemajuan kepada kedua-dua kerajaan.

Matlamat penubuhan majlis itu ialah menggalak perdagangan dan pelaburan dua hala, menggalak kerjasama sektor swasta Amerika-Malaysia, membangunkan usaha sama dalam sektor kepentingan bersama, memanfaatkan kepakaran ahli perniagaan dalam membangunkan sektor industri kecil dan sederhana.

Majlis Perniagaan Amerika-Asean akan menyediakan sokongan sekretariat di pihak Amerika manakala Institut Kepemimpinan dan Strategik (Asli) di pihak Malaysia.

(END)